KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	22.08.22	MUKA SURAT	:	26
JABATAN	:	TNB			

Kerjasama TNB dan Petronas bangun teknologi CCS

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Petronas menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk mengukuhkan kerjasama dalam memacu penyelesaian inovatif ke arah usaha nyah-karbon bagi menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi negara neutral karbon menjelang 2050.

Ini akan dicapai terutamanya melalui kajian kolaboratif untuk pembangunan hijau ekosistem hidrogen dan teknologi penyimpanan karbon (CCS) yang memanfaatkan kepakaran teknikal dan sumber organisasi kedua-dua pihak.

MoU berkenaan ditandatangani oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TNB, Datuk Ir Baharin Din dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Petronas, Datuk Tengku Muhammad Taufik Tengku Aziz.

Majlis itu dipengerusikan oleh Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan.

Takiyuddin berkata, kerjasama itu akan membantu mempercepatkan usaha kerajaan dalam aspirasinya untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

> *Masa memulakan usaha ini juga tepat kerana kerajaan dijadualkan melancarkan Dasar Tenaga Negara 2021-2040 tidak lama lagi"*
>
> ***Takiyuddin***

"Masa untuk memulakan usaha ini juga tepat kerana kerajaan dijadualkan melancarkan Dasar Tenaga Negara 2021-2040 tidak lama lagi yang akan menggariskan peralihan Malaysia kepada tenaga hijau," katanya dalam kenyataan.

Kedua-dua syarikat juga menyatakan komitmen mereka terhadap *Net-Zero Carbon Emissions* (NZCE) 2050.